

**RANCANGAN PERNIAGAAN
(ETR 300)**

AYUL WIRA GAGAH SDN. BHD.
(A. W. G)

**(MENJUAL DAN MENGEDAR
ALAT KELENGKAPAN TENTERA)**



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 25hb. Januari 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan


Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Tuan Hilmi b. Tuan Mat	96967370
2.	Azrin b. Ahmad	96802969
3.	Fazzairul b. Jamil	96888281
4.	Asrul Nizam Abdullah	96522261

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

LOGO DAN NAMA SYARIKAT

Logo syarikat kami menggunakan lambang pisau belati dan perkataan AWG sebagai tanda perniagaan syarikat. Kami menggunakan lambang ini kerana ia melambangkan peralatan-peralatan lasak yang akan kami niagakan apabila perniagaan kami ini bermula nanti.

Pisau membawa maksud yang amat besar bagi syarikat kami di mana ia melambangkan ketajaman minda dan usaha kami yang jitu sekaligus sebagai motivasi kepada kami dalam usaha kami untuk memajukan syarikat ini.

Perkataan *A* (Ayul) dalam logo ini digunakan kerana perniagaan ini sebenarnya dicadangkan oleh salah seorang ahli syarikat ini iaitu saudara Fazzairul Jamil. Dalam usaha untuk menubuhkan syarikat ini, beliau telah banyak berusaha untuk mencari maklumat, mengkaji tentang perniagaan ini dengan teliti, mencari lokasi perniagaan, mendapatkan lesen perniagaan dan mendapatkan pembekal utama bagi perniagaan kami ini. Perkataan *WG* (Wira Gagah) pula kami gunakan kerana ia melambangkan keteguhan semangat kami untuk bersaing dengan lebih gigih dalam bidang yang kami ceburi ini di samping sentiasa berusaha dengan sedaya-upaya kami untuk mendapatkan hasil yang lebih baik dari semasa ke semasa. Selain itu, ia juga antara lain melambangkan barang-barang jualan kami di syarikat ini kerana seperti yang kita sedia maklum, perkataan wira gagah sering dikaitkan dengan kegiatan ketenteraan dan aktiviti-aktiviti lasak. Oleh itu, sehubungan dengan sifat kami, nama ini juga dapat menggambarkan kegiatan perniagaan yang kami jalankan.

Warna merah di dalam logo ini melambangkan keberanian kami untuk terus mengharungi segala cabaran yang bakal kami hadapi setelah kami membuka perniagaan ini nanti. Sifat berani ini amat perlu kerana dalam menghadapi pelbagai perubahan dalam dunia perniagaan yang amat mencabar dewasa ini, keberanian amat perlu dalam diri setiap usahawan yang ingin berjaya. Selain berani menghadapi cabaran di sini, berani

1.0 PENGENALAN

Dewasa ini, perkembangan aktiviti-aktiviti lasak yang bersifat ketenteraan semakin digemari di kalangan remaja-remaja di sekolah-sekolah mahupun institusi-institusi pengajian tinggi. Peningkatan kepada permintaan terhadap barang-barang yang melibatkan aktiviti-aktiviti ini telah memberi dorongan kepada kami untuk menerokai perniagaan yang melibatkan penjualan alat-alat yang berkaitan dengan aktiviti ini. Pasaran yang kami jangkakan hasil seri perniagaan ini bukan sahaja dapat mendatangkan keuntungan kepada pihak kami sebagai penjual tetapi juga dapat membantu mereka yang terlibat dengan aktiviti lasak ini untuk mendapatkan peralatan yang sempurna untuk kegunaan mereka.

Selaras dengan peningkatan permintaan barang-barang ini di semua peringkat umur terutama dikalangan remaja, kami menjangkakan perniagaan kami akan dapat memenuhi permintaan golongan-golongan ini pada masa kini mahupun pada masa akan datang. Perkembangan positif ini dijangka akan berterusan untuk tahun-tahun akan datang. Ini dapat dilihat berdasarkan peningkatan kemasukan pelajar-pelajar ke sekolah-sekolah dan IPT-IPT tempatan yang memestikan penyertaan pelajar di dalam aktiviti ko-kurikulum termasuk ko-kurikulum yang bersifat lasak seperti kadet (kadet tentera dan kadet polis), pengakap dan persatuan bulan sabit merah di peringkat sekolah dan kesatria, JPA dan ROTU di peringkat institusi pengajian tinggi.

Ayul Wira Gagah Sdn Bhd merupakan syarikat perkongsian yang menjalankan perniagaan menjual peralatan-peralatan yang bersifat ketenteraan dan lasak bagi kegunaan unit-unit beruniform di sekolah dan IPT tempatan dan juga syarikat-syarikat keselamatan (security force) dan yang seumpama dengannya. Pada awalnya, sasaran pasaran kami hanya bertumpu di kawasan sekitar negeri Melaka ini dan setelah mencapai paras tertentu kami akan mengembangkan sayap perniagaan kami ke seluruh Semenanjung Malaysia dan kemudian ke Sabah dan Sarawak.

Perniagaan kami dijangkakan akan mula beroperasi pada bulan Januari 2003. Kami berharap perniagaan ini akan dapat memenuhi kehendak para pelanggan dan mampu bersaing dengan syarikat-syarikat yang menjalankan kegiatan yang sama pada masa kini.